**Mantan Mufti tokoh Maal Hijrah** MS 3



**Exco kesal KPDNKKN enggan kerjasama** MS 4

**MPSP finalis Anugerah Inovasi Perdana PM** MS 25




PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

**1– 15 NOVEMBER 2014**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# FAP dapat suntikan RM4 juta

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**



**KETUA Menteri sambil ditemani Nazir Ariff Mushir Ariff (tujuh dari kiri) dan Ir. Jaseni Maidinsa (empat dari kanan) menunjukkan replika cek dana RM4 juta sambil ditemani barisan pemain FAP pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) menerima suntikan dana sebanyak RM4 juta daripada Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi menghadapi saingan Liga Perdana musim 2015 di sini baru-baru ini.

Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff berkata, selain suntikan dana, FAP bakal membariskan 10 muka baru dari pasukan Liga Super dan Liga Perdana bagi memperkuatkan pasukan tersebut.

"Lee Gil Hoon (pemain import juga penjaring 16 gol musim ini), kita (FAP) bakal kekalkan bersama sembilan pemain dari pasukan musim ini dan akan membawa masuk 10 pemain tempatan lain serta tiga pemain import untuk melengkapkan kuota bagi saingan musim depan.

“Pengumuman secara rasmi hanya akan dibuat selepas saingan Piala Malaysia 2014 tamat, manakala bagi kekosongan jawatan Ketua Jurulatih, kita (FAP) akan umumkan dalam masa terdekat," katanya pada satu sidang media selepas selesai Majlis Penyampaian Dana RM4 juta di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang turut ditemani Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa.

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa suntikan dana RM4 juta adalah salah satu pendorong semangat kepada kecemerlangan FAP tahun hadapan.

“Pihak PBAPP akan menambah lagi RM2 juta kepada FAP sekiranya mereka berjaya menjadi pasukan yang cemerlang pada Liga Perdana kelak dan juga bagi memastikan FAP mampu memberi fokus terbaik tanpa perlu memikirkan masalah kewangan,” ujar beliau.

Dalam pada itu Guan Eng menyeru pasukan yang terkenal dengan jolokan Harimau Kumbang itu supaya tidak menghampakan rakyat Pulau Pinang, terutamanya peminat setia bola sepak yang sentiasa memberikan sokongan tidak berbelah bagi.

“Jangan hampakan rakyat Pulau Pinang, kerana ini secara tidak langsung akan turut mengecewakan Kerajaan Negeri, hanya fokus pada perlawanan tanpa memikirkan soal dana,” ujar beliau.

# Tukang masak hanya warga tempatan

**GEORGE TOWN -** Hasil tinjauan yang dijalankan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Kerajaan Negeri membuat keputusan muktamad untuk hanya membenarkan tukang masak warga tempatan memasak makanan tempatan di negeri ini.

Peraturan tersebut bagaimanapun hanya tertakluk kepada penjaja yang menerima lesen daripada pihak PBT sahaja.

Malah, Kerajaan Negeri akan memberi tempoh peralihan dan melaksanakan penguatkuasaan tersebut secara berperingkat iaitu dalam tempoh setahun.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yow berkata, tinjauan berhubung cadangan untuk melarang warga asing memasak makanan tempatan yang dijalankan MPPP pada 25 Julai hingga 31 Ogos lalu adalah membabitkan 14,810 sampel iaitu 14,428 adalah dengan bersemuka dan selebihnya *online survey* (382). Seramai 14,765 sampel adalah warganegara dan bukan warganegara (45).

"Hasil tinjauan mendapati seramai 12,952 responden iaitu 87.45 peratus bersetuju bahawa makanan tempatan perlu dimasak oleh warga tempatan, manakala tidak setuju (1,858 atau 12.55 peratus).

"Malah, kajian turut menunjukkan 12,741 atau 86.02 peratus bersetuju jika MPPP membatalkan lesen perniagaan sekiranya melantik tukang masak warga asing memasak masakan tempatan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir sama pada majlis berkenaan.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng dan Setiausaha MPPP, Ir. Ang Aing Thye.

Tambah Kon Yeow, bagi MPSP, tempoh soal selidik adalah berlangsung dari 25 Julai hingga 24 Ogos lalu.

"Hasilnya mendapati bahawa seramai 1,358 atau 85.3 peratus responden daripada keseluruhan 1,591 bersetuju dengan cadangan demikian dan hanya 233 (14.7 peratus) tidak bersetuju.

"Berhubung cadangan membatalkan lesen sekiranya peniaga didapati melantik tukang masak warga asing, seramai 1,354 (85 peratus) bersetuju dan 237 (15 peratus) sebaliknya," jelas beliau.

Beliau memberitahu bahawa satu pelekat akan dilekat di gerai-gerai yang mengikuti syarat berkenaan bagi membolehkan warga tempatan juga luar mengenalpasti ia.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan melaksanakan peraturan ini secara berperingkat dan akan dimasukkan di dalam kriteria permohonan lesen kelak," jelas Kon Yeow.

# Lima terima baka lembu Brahma Kacukan



DR. Afif Bahardin (kanan sekali) menyerahkan dokumen perjanjian kepada salah seorang penternak pada Majlis Penyerahan Lembu Baka Brahma Kacukan di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH** – Sebanyak 30 lembu baka betina dan lima jantan jenis Brahma Kacukan diagihkan kepada lima penternak berkelayakan untuk pembiakan dalam negeri di sini baru-baru ini.

Majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang tersebut disempurnakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Afif ketika hadir menyempurnakan penyerahan lembu itu berkata, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM2.708 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVNPP) pada tahun ini.

"Peruntukan yang diluluskan ini adalah untuk pelaksanaan projek pembangunan veterinar di seluruh negeri.

"Melalui Projek Pembangunan Industri Ruminan, JPVNPP telah membelanjakan RM128,000 untuk membeli lembu-lembu ini bagi diserahkan kepada para penternak," katanya pada Majlis Penyerahan Lembu Baka Brahma Kacukan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Bahagian Pembangunan Industri JPVNPP, Dr. Madihah Rauza Ahmad Salimi.

Menurut Afif, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia membantu penternak dan petani di negeri ini walaupun tidak mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

"Kerajaan Negeri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM250,000 untuk skim Tabung Usahawan Tani Muda bagi membantu para penternak dan petani di negeri ini.

"Dengan bantuan daripada kerajaan ini, diharap dapat melahirkan lebih ramai usahawan tani muda di masa depan dan menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri contoh dalam bidang penternakan serta pertanian," ujar beliau.



SEBAHAGIAN lembu baka Brahma Kacukan yang disumbangkan.

Dalam pada itu, menurut Madihah Rauza, setiap penerima melalui beberapa peringkat pemilihan sebelum menandatangani perjanjian dengan JPVNPP.

"Peringkat pemilihan ini adalah untuk memastikan penerima benar-benar layak dan berkebolehan menternak lembu.

"Setiap penternak menerima lima ekor lembu betina serta seekor lembu jantan dan (mereka) harus memulangkan kembali baka diterima dalam tempoh tujuh tahun," jelasnya.

Tambah beliau, hasil daripada sumbangan baka lembu tersebut, ia sekurang-kurangnya dapat mencapai sasaran 10 peratus pengeluaran daging dalam negeri.

Permohonan bantuan JPVNPP dibuka setiap tahun bermula 1 Januari hingga 1 Mac dan boleh dipohon melalui Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di seluruh negeri.

# RM37,500 bantuan pendidikan MAINPP untuk Nor Adillah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN DALAM** – Kesusahan belajar tanpa bantuan pendidikan serta tajaan seorang bakat Pulau Pinang dalam pengajian bidang perubatan Universiti Zagaziq dekat Mesir yang dikongsi dalam portal berita *The Malaysian Insider* baru-baru ini akhirnya mendapat perhatian Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Yang di-Pertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man berkata, bantuan pendidikan berjumlah RM37,500 yang diberikan kepada pemohon, Nor Adillah Md. Yusop, 24, diharap dapat melunaskan separuh daripada yuran pengajian tertunggak di universiti berkenaan.

"Majlis Agama (MAINPP) menyalurkan bantuan pendidikan dan bukan biasiswa kepada pelajar-pelajar dalam dan luar negara yang memenuhi syarat telah ditetapkan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir di Pejabat MAINPP Butterworth di sini baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Datuk Abdul Halim Hussain dan Ustaz Rosli Othman (Pegawai di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang) turut hadir pada majlis tersebut.

Laporan *The Malaysian Insider* antara lain mendedahkan kegagalan Nor Adillah melangsaikan yuran pengajian mengakibatkan pentadbiran Universiti Zagaziq menyekat keputusan peperiksaan penuntut berkenaan.

Akibatnya, Nor Adillah dlaporkan mengaku bahawa beliau tidak mampu mengemukakan transkrip peperiksaan tahunan sebagaimana disyaratkan JAINPP untuk memproses permohonan bantuan pendidikan berwajib.

Justeru, Mohd. Salleh berkata, pihaknya akan berbincang dengan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim mengenai syor Kerajaan Negeri menghantar seorang pegawainya sama ada daripada MAINPP atau JAIPP untuk menguruskan isu berbangkit tentang kebajikan mahasiswa di Timur Tengah.



NOR Adilla Md. Yusop (kiri sekali) menerima cek bantuan pendidikan daripada Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) sambil disaksikan Abdul Halim Hussain (tiga dari kiri) dan Rosli Othman (paling kanan) di sini baru-baru ini.

"Walaupun di peringkat Jabatan Agama (JAIPP), kita sudah ada pegawai menguruskan (bahagian bantuan pendidikan) di sini, tetapi, kita harap ada pegawai di peringkat negeri menguruskan anak-anak Pulau Pinang seperti Nor Adillah yang belajar di Timur Tengah," ujar Mohd. Salleh.

# Mantan Mufti PP dipilih Tokoh Maal Hijrah negeri

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Mantan Mufti Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Hassan Ahmad diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Pulau Pinang bagi 1436 Hijrah bersamaan tahun 2014 Masihi dalam Majlis Perhimpunan Ummah sempena Sambutan Maal Hijrah 1436H/2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



HASSAN Ahmad menunjukkan trofi dan sijil pengiktirafan diterima.

Setelah 17 tahun mencurah bakti sebagai Mufti Negeri dan bersara tahun lalu, beliau yang kini berusia 72 tahun masih meneruskan tugas sebagai Ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia, Pengerusi Panel Kajian Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Felo Yayasan Islam Malaysia, Cyberjaya dan Ahli Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal Malaysia (Pulau Pinang).

“Alhamdulillah, saya akan terus berbakti kepada masyarakat, negeri mahupun negara selagi diberi kekuatan, keupayaan dan kesihatan yang mengizinkan.

“Sekarang ini pun, saya masih lagi terlibat dengan beberapa tanggungjawab yang diamanahkan sama ada dalam perbankan Islam atau Majlis Fatwa Negeri.” ujarnya kepada media sejurus selepas menerima anugerah sebagai Tokoh Maal Hijrah 1436H/2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Pengiktirafan tersebut membolehkan beliau menerima sebuah trofi, medal, sijil dan wang tunai yang disampaikan Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Berpengalaman sebagai Penasihat Syariah kepada Institut Keusahawanan Al-Quran Hadith Malaysia, Lembaga Pengarah As-Sahabah Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan Ahli Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam Malayan Banking Berhad, Hassan berjanji akan terus berkhidmat selagi termampu.

“Saya sangat teruja dengan anugerah yang diberikan ini dan akan menjadikannya sebagai rangsangan untuk terus berkhidmat.

“Alhamdulillah, segala jasa dan khidmat saya selama ini dihargai oleh Kerajaan Negeri,” katanya yang turut bergiat dalam bidang penulisan.

Antara hasil karya beliau adalah Kaedah dan Peraturan Pajak Gadai Mengikut Kehendak Islam, Usul al-Fiqh, Al-Mafhum wa Mauqif al-Usulliyana min Hujjiyatih dan Riwayat Hidup Imam al-Nawawi.

Dalam pada itu, pengasas Kumpulan Habib Jewels, Datuk Habib Mohamed Abdul Latif dipilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Islam manakala Pengerusi MyIkut Infaq Kebajikan, Muhammad Nur Azlee Stanley Abdullah menerima Anugerah Saudara Kita dan Kamarudin Abdullah sebagai penerima Anugerah Pendakwah Negeri.

Siti Eishah Mat Tait, 78, dari Lahar Tambun, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU) pula diumumkan sebagai penerima Anugerah Ibu Mithali apabila tujuh daripada lapan anak-anaknya berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi hasil upah sebagai penoreh getah.



SITI Eishah Mat Tait (dua dari kanan) ditemani anaknya menerima anugerah daripada Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perhimpunan Ummah sempena Sambutan Maal Hijrah 1436H/2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Manakala Ibrahim @ Othman Ismail, 68, dari Kota Aur, Kepala Batas, SPU pula terpilih menerima Anugerah Bapa Mithali setelah tujuh daripada sembilan anak-anaknya bertugas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan dua lagi masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) di Kedah.

Dalam majlis sama, dua anugerah baharu turut diperkenalkan iaitu Anugerah Masjid Terbaik dan Anugerah Penarafan Lima Bintang Surau Awam.

Masjid At-Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas, SPU dipilih sebagai Masjid Terbaik Negeri manakala bagi Anugerah Penarafan Lima Bintang Surau Awam, surau Aeon Mall, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT) terpilih bagi Kategori Pusat Beli-belah, surau Restoran Pen Mutiara, Batu Maung dan surau Original Penang Kayu Nasi Kandar, Bukit Jambul dipilih bagi Kategori Restoran.

Bagi Kategori Hotel pula, surau Hotel Tabung Haji, Bayan Lepas dan surau Hotel Sunway Seberang Jaya dipilih daripada 29 hotel di bawah senarai penarafan bintang surau awam negeri. Surau Hospital Seberang Jaya dipilih bagi kategori Kawasan Awam.

Bertemakan 'Memartabatkan Ummah Berpaksikan al-Sunnah wa al-Jamaah', Majlis Perhimpunan Ummah kali ini turut diserikan dengan bacaan Al-Quran, deklamasi sajak dan forum yang dihadiri dua pendakwah terkenal iaitu Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Ustazah Norhafizah Musa.

Turut sama isteri TYT, Toh Puan Majimor Shariff, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan isteri serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus dan isteri.

# Mangsa JE terima bantuan katil, Exco rakam harapan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TASEK GELUGOR –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin merakamkan harapan agar Muhammad Ammar Muqrish Zulkifli, 12, yang disahkan mengidapi *Japanese Encephalitis* (JE) pada Julai lalu kembali sihat, manakala, Hospital Pakar KPJ pula menyumbang katil sakit bernilai RM1,500 kepada kanak-kanak berkenaan.

"Saya sangat bersyukur kerana beliau sudah boleh berjalan dan terus berharap yang terbaik untuk beliau," ujarnya kepada ibu kanak-kanak berkenaan, Haniza Ayub, 40, di rumahnya dekat Kampung Selamat di sini baru-baru ini.

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang, Abdul Aziz Abd Rahman berkata, sumbangan katil sakit yang dilengkapi pengadang dan roda diharap dapat mengelak risiko jatuh katil semasa tidur serta memudahkan pergerakan kanak-kanak berkenaan.

Sebelum itu, Haniza memberitahu bahawa anaknya masih perlu diberikan perhatian dalam pelbagai segi, sungguhpun kian pulih daripada penyakit berbahaya tersebut.

Menurut Haniza, otot Muhammad Ammar Muqrish yang masih begitu lemah hingga sukar untuk mencangkung semasa membuang air besar mengakibatkan anaknya itu terpaksa memakai lampin pakai buang hingga kini.

Tambahnya, beliau pada waktu bekerja mujur dibantu adik kandungnya yang tinggal bersebelahan rumah untuk mengurus beberapa keperluan Muhammad Ammar Muqrish.

"Dulu Ammar seorang yang aktif, namun selepas kena JE, segalanya berubah sekelip mata...dia tak lagi seceria macam dulu.

"Nak berhenti kerja pun susah...macam mana saya nak bantu suami menyara keluarga," kata Haniza.

Terdahulu, Muhammad Ammar Muqrish pada hujung bulan Mei lepas dijangkiti wabak JE, selepas menyertai kem motivasi anjuran sekolahnya.

Keadaan Muhammad Ammar Muqrish yang kian lemah sungguhpun diberi rawatan di hospital kerajaan mendorong waris merujuk kanak-kanak berkenaan ke hospital swasta.



DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) bersama-sama jururawat bertugas membantu Muhammad Ammar Muqrish Zulkifli (duduk) menyesuaikan dengan katil khas yang disumbangkan di sini baru-baru ini.

Kisah waris serta saudara mara kanak-kanak berkenaan terpaksa mengumpul duit serta menggadai barang kemas untuk membayar wang pendahuluan hospital swasta tersebut yang berjumlah RM10,000 kemudiannya mendapat perhatian banyak pihak, termasuk Afif dan Hospital Pakar KPJ baru-baru ini.

# Sambut baik cadangan NGO selamat tanah warisan negeri



ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN -** Exco Hal Ehwal Islam, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menyambut baik cadangan dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini baru-baru ini bagi mendapatkan dana daripada Kerajaan Persekutuan dengan tujuan menyelamatkan tanah warisan serta mewartakan ia.

Katanya, Kerajaan Negeri menghargai usaha NGO-NGO terbabit untuk berbincang dengan Kerajaan Persekutuan berhubung masalah tanah warisan yang timbul.

"Kita hargai dan menyokong usaha mereka (NGO) untuk berbincang dengan Persekutuan bagi mendapatkan dana serta mewartakan tanah-tanah tersebut sebagai tapak warisan sekaligus mengambil alih kampung-kampung warisan berkaitan.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) turut menyokong kenyataan Tan Sri (Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), Tan Sri Mohd. Yussof Latif) yang memahami bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad," ujarnya pada sidang media baru-baru ini di sini.

Malik berkata demikian sebagai menyokong kenyataan PEMENANG dan Pertubuhan Amanah Warisan Melayu (PEWARIS) yang dilaporkan di dalam akhbar *Malaysian Insider* bertarikh 18 Oktober 2014 dan Sinar Harian (19 Oktober 2014) baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Malik menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri hanya dapat menahan pengeluaran 'perintah pembangunan' atau '*Development Order*' untuk membangunkan tanah-tanah di negeri ini.

"Ia membabitkan garis panduan kuasa daripada Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) terutama dalam penyelesaian masalah penduduk di atas tanah-tanah tersebut.

"Berhubung cadangan mewartakan kawasan terbabit sebagai kawasan warisan, ia adalah di bawah bidang Persekutuan," ujarnya.

Beliau memberitahu, bagi mewartakan sesebuah lokasi sebagai kawasan warisan, ianya terletak di bawah bidang kuasa Pusat di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

"Kita (Kerajaan Negeri), tiada sebarang halangan untuk mencadangkan beberapa kawasan yang mempunyai nilai warisan.

"Malah, pihak Kerajaan Negeri sentiasa mengawasi usaha penyelesaian pampasan di antara pihak pemaju dan penghuni tanah," kata Abdul Malik.

# Penyatuan rakyat ke arah negeri contoh



AKSI sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Karnival Santai Rakyat Peringkat Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU LANCHANG –** Portfolio Perhubungan Masyarakat yang menjadi tanggungjawab Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon adalah bertujuan mengerat dan mengutuhkan silaturrahim antara semua kaum.

Katanya, beliau ingin lihat kepelbagaian kaum dan lapisan masyarakat disatukan supaya masyarakat di Pulau Pinang berada pada keadaan yang amat baik, harmoni serta mampu dicontohi.

"Ini sememangnya cita-cita Kerajaan Negeri dalam merealisasikan moto Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat kepada suatu realiti," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak pada ucapan pembukaan Karnival Santai Rakyat Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

Karnival yang berlangsung di tapak parkir Pasar Awam Batu Lanchang tersebut turut disertai beberapa jabatan kerajaan dan swasta antaranya Jabatan Pertahanan Awam, Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Di-raja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan lain-lain.

Pemeriksaan kesihatan, pameran, tarian zumba, *walkathon,* pertandingan mewarna dan jualan pelbagai barangan turut memeriahkan penganjuran berkenaan.

Hadir sama, ADUN Batu Lanchang, Law Heng Kiang, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Komtar, Teh Lai Heng, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Pegawai Daerah Timur Laut, Azizi Zakaria.

# Exco kesal KPDNKKN enggan kerjasama operasi pantau harga



ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) dan Khalid Zakaria (tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama pasukan operasi pemantauan harga membabitkan beberapa agensi di pintu masuk Pasar Awam Jelutong di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**JELUTONG –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim kesal dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri (KPDNKKN) yang dipercayai enggan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri berhubung inisiatif pemantauan harga barangan terutamanya menjelang musim-musim perayaan di sini.

Menurutnya, sikap sedemikian menunjukkan pihak terbabit (KPDNKKN) kurang profesional dalam menangani isu berkaitan rakyat terutamanya membabitkan harga barangan.

"Walaupun mungkin terdapat perbezaan ideologi politik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, namun ia patut diketepikan apabila hal berkaitan kepentingan rakyat seperti pemantauan kenaikan harga barangan pada musim perayaan.

"KPDNKKN merupakan agensi yang lebih arif dalam soal tersebut (pemantauan harga barangan), misalnya mereka (KPDNKKN) boleh mengetahui sama ada penimbang yang diguna peniaga menepati syarat atau sebaliknya," ujarnya sejurus menjalankan pemantauan harga di Pasar Awam Jelutong sempena sambutan Deepavali di sini baru-baru ini.

Turut serta, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pejabat Daerah Timur Laut.

Tambah Abdul Malik, ia bukan kali pertama KPDNKKN tidak mengendahkan layanan jemputan daripada pihak beliau.

"Justeru, kami (Kerajaan Negeri) terpaksa menjalankan sendiri operasi pemantauan harga ini demi kepentingan rakyat," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Sependapat dengan Abdul Malik adalah Penghulu kawasan Jelutong, Khalid Zakaria yang menyifatkan ketidakhadiran KPDNKKN dalam operasi berkaitan menyebabkan kuasa pemantauan serta penguatkuasaan adalah agak terbatas.

# Tidak sampai 10% daripada projek baru diberi kebenaran merancang - Exco

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menyangkal dakwaan setengah pihak yang mengaitkan corak pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang merupakan punca pembangunan tidak terkawal sehingga menyebabkan berlakunya banjir kilat di sini baru-baru ini.

Kon Yeow memberitahu, beliau tidak menafikan terdapat beberapa faktor menyebabkan berlakunya banjir dan antaranya, ada yang dapat dikawal manusia serta di luar kawalan manusia.

"Pembangunan berlebihan seperti didakwa sesetengah pihak bukanlah punca utama berlakunya banjir kilat di beberapa kawasan di sini memandangkan sejak 2008 sehingga Oktober 2014, hanya 111 daripada 1,323 projek baru yang diberi kebenaran merancang bagi mendapatkan permit serta memulakan kerja.

"Jumlah tersebut tidak sampai 10 peratus daripada projek baru yang diberi kebenaran merancang. Sebaliknya dari tahun 2000 hingga 2007, iaitu ketika di bawah BN (Barisan Nasional), 441 projek daripada 1,272 projek diberi kebenaran merancang.

"Bagaimana pula Pulau Pinang boleh ada lebih banyak pembangunan di bawah PR yang baru enam tahun mentadbir berbanding BN yang telah berpuluh tahun?

"Sedangkan statistik tersebut dikeluarkan Jabatan Perancangan Pembangunan MPPP," soalnya.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye.

Tambah Kon Yeow, selain kawalan pembangunan baru, Kerajaan Negeri juga kini giat melaksanakan projek-projek tebatan banjir dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebagai agensi utama di samping Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Masalah banjir kilat memang tidak dapat diatasi sepenuhnya, tetapi Kerajaan Negeri dan agensi pelaksana berusaha menjalankan projek-projek mitigasi banjir terutama di 10 lokasi *hotspot* yang dikenalpasti sebagai kawasan berpotensi banjir." katanya merujuk kepada kejadian banjir kilat baru-baru ini yang disebabkan oleh faktor tiupan angin bermusim bersama-sama sifat topografi lokal dalam menentukan corak taburan hujan di Pulau Pinang.

Jelas beliau, antara tahun 2000 hingga 2008, sejumlah RM24.92 juta dibelanjakan untuk projek tebatan banjir, manakala antara 2008 hingga kini, RM27.90 juta.

"Jumlah tersebut melibatkan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang (Fasa 1 dan Fasa 2), projek-projek menaiktaraf parit serta bahu jalan dan projek mendalamkan parit-parit sedia ada," ujar beliau.



CHOW Kon Yeow (kiri) dan Ir. Ang Aing Thye meneliti beberapa dokumen projek-projek tebatan banjir pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Penyewa PPR perlu pohon kebenaran pasang Astro - Exco

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri sedang menjalankan bancian terhadap latarbelakang penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini bagi memastikan golongan terbabit adalah betul-betul layak mendiaminya unit-unit berkaitan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, bancian dibuat berikutan beberapa aduan yang diterima berkaitan penyewa PPR yang telah melepasi syarat-syarat kelayakan menduduki, namun masih lagi menetap di rumah-rumah PPR.

"Salah satu syarat menduduki rumah PPR ialah pendapatan suami atau isteri tidak melebihi RM750 atau pendapatan isi keluarga adalah kurang daripada RM1,500 sebulan.

"Tetapi, dari aduan yang kita (Kerajaan Negeri) terima, terdapat penyewa yang memandu kereta mewah atau memiliki lebih dari sebuah kereta menetap di sana (PPR)," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Menurut Jagdeep, sehingga Julai lalu, tunggakan bayaran sewa dan penyelenggaraan melibatkan 8,093 unit rumah PPR (daripada 14,027 unit) di kelima-lima daerah mencecah RM14.16 juta dengan jumlah kutipan semasa cuma RM448,388.28.

Beliau memberitahu, antara lain, ada dalam kalangan pengadu yang mendakwa terdapat penyewa PPR melanggani perkhidmatan televisyen berbayar, Astro.

"Mengikut perjanjian sewa antara Kerajaan Negeri dan penyewa PPR, mereka (penyewa) tidak dibenarkan memasang Astro dan ini amat mengecewakan kerana mereka (penyewa) sanggup memilih untuk tidak membayar sewa dan penyelenggaraan sebaliknya membayar bil Astro.

"Oleh itu, sebagai langkah drastik, penyewa PPR yang ingin memasang Astro kini diminta untuk memohon kebenaran pemasangan daripada kita (Kerajaan Negeri) dan kita (Kerajaan Negeri) akan beri kebenaran sekiranya mereka (penyewa) tidak mempunyai tunggakan bayaran atau telah melangsaikan tunggakan sewa serta penyelenggaraan." tegas beliau.

Tambahnya, Kerajaan Negeri memandang serius perkara berkenaan kerana masih terdapat individu yang lebih layak menduduki rumah PPR berbanding sesetengah penyewa yang telah melepasi syarat-syarat kelayakan menduduki.

"Kadar sewa tidak banyak hanya RM100 sebulan dengan RM20 untuk penyelenggaraan dan penyewa perlu faham bahawa bayaran penyelenggaraan perlu dijelaskan kerana ia untuk menjaga bangunan dan kemudahan-kemudahan lain seperti tangki air dan lif.

"Kita telahpun menghantar notis kepada penyewa PPR dan kita akan susuli dengan bancian kelayakan seterusnya mengambil tindakan secara berkala bagi memastikan keberkesanan kutipan sewa dan penyelenggaraan," ujarnya yang berharap agar penyewa PPR di negeri ini memberi kerjasama sepanjang proses bancian dijalankan.

# Utus surat kepada JKPSB maklum aduan penduduk



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan gambar tinggalan sisa-sisa potongan kayu di atas sebidang tanah milik dipercayai milik JKPSB pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bakal mengutus surat kepada agensi pelaksana Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP), JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) bagi memaklumkan maklum balas penduduk yang mendakwa tanah milik dipercayai pihak berkaitan di kawasan Jelutong di sini ditinggalkan dalam keadaan semak sehingga menimbulkan beberapa permasalahan.

Katanya, surat yang dihantar para penduduk berkaitan mendakwa bahawa kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan tersebut telah meninggalkan sisa-sisa pembersihan seperti longgokan potongan kayu begitu sahaja.

“Saya menerima aduan bahawa sisa-sisa potongan pokok di kawasan tersebut ditinggalkan begitu sahaja tanpa dialih atau dibersihkan setelah kerja pembersihan kawasan selesai.

“Ini dikhuatiri akan menyebabkan air bertakung dan menjadi kawasan pembiakan nyamuk,” ujarnya pada sidang media baru-baru ini di sini.

Difahamkan, lokasi tersebut bakal dibangunkan dengan projek perumahan mampu milik oleh agensi Kerajaan Pusat tersebut meliputi 192 unit rumah kos rendah berharga RM42,000, 192 unit kos sederhana rendah (RM72,500) dan 382 unit kos sederhana (RM280,000 hingga RM300,000).

Jagdeep menambah, pihaknya akan menulis surat kepada JKP untuk memaklumkan hal tersebut.

“Saya akan menulis sepucuk surat sebagai pengetahuan mereka (JKPSB) agar fasa pembangunan di kawasan tersebut mementingkan persekitaran selamat dan tidak menimbulkan sebarang masalah kepada penduduk berdekatan,” ujar beliau.

JKPSB yang ditubuhkan pada 12 Julai 1995 merupakan agensi pelaksana kepada MPBPP yang dahulunya dikenali sebagai Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (JKP).

Penubuhan JKPSB adalah untuk membantu Kerajaan Persekutuan mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan dan pemilikan hartanah di Pulau Pinang. Sehubungan itu, syarikat terlibat secara langsung dalam membangunkan unit kediaman dan komersial yang mampu dimiliki oleh sebilangan besar Bumiputera.



KEADAAN di lokasi yang didokumenkan.

# Lima kilang kotor diarah tutup demi kesihatan rakyat

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Sebuah kilang sayur pucuk warisan keluarga diarahkan menghentikan pengoperasiannya oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang setelah didapati gagal memenuhi aspek kebersihan ditetapkan pihak berkaitan.

Timbalan Pengarah Kesihatan dan Kualiti Makanan Pulau Pinang, Ku Nafisah Ku Ariffin berkata, arahan tersebut merupakan kali pertama diberikan terhadap kilang yang dipercayai telah beroperasi kira-kira 100 tahun lalu.

“Antara kesalahan yang dikesan adalah pekerja kilang berkaitan mengendalikan pemprosesan sayur pucuk tanpa memakai baju dan hanya berseluar pendek.

“Malah, siasatan turut mendapati bahawa pengilang itu mencampuradukkan papan serta kayu pembakaran bersama-sama kawah memasak sayur pucuk yang mana mampu menyebabkan habuk pembakaran memasuki ke dalam 'masakan' berkaitan.

“Selain itu, kayu yang digunakan untuk menyidai sayur pucuk turut didapati kotor dan berkulat," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam operasi yang dijalankan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini, sebanyak 19 premis telah diperiksa.

Selain kilang sayur pucuk berkenaan, sebanyak lima premis lain turut diarahkan berbuat demikian, iaitu meliputi dua di Daerah Timur Laut dan masing-masing satu di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

Mengulas lanjut, Ku Nafisah menyatakan bahawa arahan penutupan kilang pemprosesan manisan di Daerah Barat Daya adalah hasil siastan yang mendapati manisan-manisan dihasilkan diletakkan di atas lantai.

“Malah, tandas kilang tersebut juga didapati dijadikan stor penyimpanan barang serta pakaian para pekerja. Lebih menjijikkan adalah baju pekerja sendiri disidai di atas mesin pengisar.

“Peralatan digunakan untuk pemprosesan juga didapati kotor, para pekerja tidak memakai apron dan penggunaan bahan mentah dari tin yang sudah kemek,” jelas beliau.

Tambahnya, kilang-kilang yang diarahkan memberhentikan operasinya diberi tempoh masa 14 hari untuk membersihkan premis masing-masing sebelum dibenarkan beroperasi semula.

Pada masa sama, Ku Nafisah turut memohon Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) supaya mengkaji syarat pengeluaran lesen membabitkan premis yang terlalu uzur bagi menjamin kesihatan rakyat negeri ini.



CARA pemakaian salah seorang pekerja kilang sayur pucuk yang diarahkan memberhentikan operasinya oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang pada operasi di sini baru-baru ini.



KEADAAN tandas salah sebuah kilang yang didapati dijadikan stor penyimpanan barang serta pakaian para pekerja.

# Gelar 'pendatang' perlu hukuman berat, gesa Anwar Ibrahim

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN –** Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, amalan menggelar-gelar mana-mana warganegara sebagai 'pendatang' jika di beberapa negara Eropah sudah pasti berdepan dengan hukuman yang berat.

Ketegasan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat itu adalah sebagai respons pada tindakan seorang perwakilan Johor dalam mesyuarat agung tahunan parti Gerakan baru-baru ini, Tan Lai Soon yang mendakwa Melayu pun sebenarnya adalah pendatang di negara ini.

"Kalau perkara ini berlaku di UK (United Kingdom) atau Amerika (Amerika Syarikat), saya tahu seorang ahli kongres yang kanan terpaksa meletakkan jawatan selepas mempertikai atau mempersoal atau menyebut mengenai kedudukan orang kulit hitam atau 'Negro' mengenai sejarah asal usul mereka.

"Mengapa perlu bangkit isu pendatang...saya fikir Kerajaan Pusat perlu tegas," ujarnya kepada wartawan pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali di kediaman Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataan bersama turut menyeru Putrajaya supaya menyemarakkan lagi semangat Malaysia dalam kalangan masyarakat tanpa mengira warna kulit, agama serta ideologi politik.

Malah, katanya, mana-mana pihak yang membangkitkan isu 'pendatang' sepatutnya didakwa di mahkamah secara adil sungguhpun mereka itu mungkin adalah ahli politik yang mesra dengan pentadbiran Kerajaan Pusat.



(Dari kiri), LEE Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri Machang Bubuk), Ketua Menteri, Anwar Ibrahim dan Prof. Dr. P. Ramasamy bergambar kenangan pada majlis berkaitan.

"Kita semua anak Malaysia tak kiralah anak Iban, anak Kadazan, anak Cina, anak India atau anak Melayu sendiri.

"Mana-mana pihak yang menggunakan istilah itu ('pendatang') seharusnya dikenakan tindakan...jangan lah satu pihak cakap 'pendatang' kena (tindakan undang-undang), satu pihak lain boleh tak kena," tegas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri dan pemimpin pelbagai peringkat hadir pada rumah terbuka Ramasamy, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

## Bukit Bendera lulus audit DOSH

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**AIR ITAM –** Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Dr. Lawrence Khoo tampil menepis dakwaan laporan media yang menyatakan bahawa *Certification of Fitness* (Sijil Keselamatan Laluan) Keretapi Bukit Bendera yang dikatakan hampir tamat tempoh di sini baru-baru ini.

Jelasnya, pihak PHC lazimnya mengetahui tarikh tamat tempoh berkenaan dan sijil tersebut telah diperbaharui 1 Oktober lalu.

Tambah Lawrence, ketika audit pembaharuan dilakukan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH), pihak terbabit memandang serius tentang kepadatan pelancong yang dibawa oleh sesebuah gerabak keretapi furnikular di sini pada satu-satu masa.

"Ingin saya jelaskan bahawa keretapi keluaran Switzerland ini mempunyai piawaian keselamatan Eropah di mana kiraan purata berat seorang penumpang adalah bersamaan dengan 75 kilogram (kg). Ini bermakna, satu gerabak mampu menampung seramai 100 orang pada satu-satu masa.

"Bagi piawaian Asia, gerabak ini mampu membawa lebih daripada 100 orang memandangkan purata berat penduduk Asia yang lazim digunakan adalah 60 kilogram," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, laporan sebuah media cetak mempertikaikan kepadatan penumpang pada waktu puncak dan kurangnya makluman mengenai tempat duduk khas bagi golongan istimewa seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas serta ibu mengandung.



DR. Lawrence Khoo (kiri) bersama salah seorang kakitangan PHC menunjukkan kerusi yang boleh dilipat bagi memberi ruang lebih besar demi keselesaan penumpang terutamanya pada waktu puncak.

Menurut Lawrence, pada laporan pembaharuan Sijil Keselamatan Laluan Keretapi Bukit Bendera baru-baru ini, DOSH lazimnya amat memandang serius mengenai keadaan kepadatan penumpang pada waktu puncak.

"Malah, sebagai tambahan, PHC telah mengambil inisiatif khas melengkapkan keretapi berkaitan dengan Penggera Kapasiti Keselamatan (SWL) yang akan berbunyi sebaik sahaja kapasiti berat mencapai 6,750kg.

"Jika muatan mencapai maksima 7,500kg, keretapi ini secara automatik tidak akan beroperasi. Cubaan tersebut telah dijalankan sebelum Sijil Keselamatan Laluan Keretapi Bukit Bendera diperbaharui pihak DOSH," jelasnya.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa skrin LCD dan pelekat tambahan turut dipasang pada bahagian-bahagian tertentu sebagai makluman tambahan supaya memberi keutamaan kepada golongan-golongan istimewa.

## Formula perkongsian 3 pihak, rumah pangsa Jln. Tengah siap dicat

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, rumah pangsa Jalan Tengah di sini yang baru siap dicat semula melalui kaedah perkongsian kos antara tiga pihak adalah lebih istimewa ekoran polisi pengecatan adalah berdasarkan formula kerjasama 80:10:10 hasil inisiatif Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.



MOHD. Rashid Hasnoon (tengah), Jagdeep Singh Deo (lima dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) bersama-sama penduduk menunjukkan tanda bagus pada Upacara Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula Rumah Pangsa Blok 9, Jalan Tengah di sini baru-baru ini.

Menurutnya, jika sebelum ini Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memperkenalkan insentif tawaran pelaksanaan pengecatan semula bangunan kediaman bertingkat milik perbadanan tersebut berasaskan kaedah perkongsian kos 80:20, tetapi di atas usaha Tze Tzin, kos 20 peratus tersebut dikongsi secara bersama di antara pihak MC dan Kerajaan Negeri.

"Bagi blok 9 yang siap dicat semula pada 1 Julai lalu, ia menelan belanja berjumlah RM139,800.

"Daripada jumlah itu, PDC menanggung 80 peratus kos daripada jumlah tersebut dengan nilai RM118, 400.

"Manakala, bakinya sebanyak 20 peratus adalah masing-masing dikongsi secara bersama antara MC dan Kerajaan Negeri iaitu sebanyak RM13, 980 setiap pihak.

"Sebagai tambahan, PDC juga telah melakukan kerja-kerja pembaikan kerosakan kritikal seperti memasang lapisan kalis air *(waterproofing)* dan membaiki bumbung asbestos sedia ada yang siap pada 12 Ogo lalu melibatkan kos RM25,299.50," ujarnya pada Upacara Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula Rumah Pangsa Blok 9, Jalan Tengah, Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaffar.

Mohd. Rashid dalam pada itu menyeru supaya MC lain di bawah projek pemajuan PDC agar mengambil tawaran perkongsian kos disediakan.

"Ini merupakan kaedah dan saluran terbaik untuk MC supaya berganding bahu dengan PDC dan Kerajaan Negeri bagi membolehkan semua pihak menikmati premis serta kediaman yang lebih selesa dan cantik," ujar beliau.

# BSK: PERKASAKAN PERINTAH NAFKAH



d) Hiwalah- Sekiranya wang Penghutang Penghakiman di bawah milikan pihak ketiga untuk dibayar kepada Penghutang Penghakiman.

e) Saman Penghutang Penghakiman.

f) Notis Penghakiman.

g) Ubah Perintah Saman Penghutang Penghakiman.

3) Selepas tindakan perundangan dikenalpasti, Peguam Syarie akan menyediakan Pliding berkaitan untuk difailkan ke mahkamah.

4) Bagi kes-kes yang Penghutang Penghakiman berada di luar bidang kuasa Mahkamah Negeri berkaitan, Peguam Syarie perlu memfailkan Permohonan Interlokutori untuk memohon Perintah Penyampaian Saman di Luar Bidangkuasa.

5) Peguam Syarie akan membaca wakalah perlantikan bersama Pemiutang Penghakiman di hadapan Pendaftar Mahkamah.

**Peringkat Kedua: Perbicaraan**

1) UPPP akan memfailkan kes di Mahkamah Syariah dan mendapatkan tarikh sebutan kali pertama di mahkamah.

2) UPPP akan menyerahkan Saman dan Pliding kepada Penghutang Penghakiman.

3) Peguam Syarie akan menghadiri sesi sebutan dan perbicaraan kes di Mahkamah sehingga mahkamah mengeluarkan Perintah Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah.





**Peringkat Ketiga : Pasca Perbicaraan**

1) UPPP akan memfailkan perintah yang diperolehi ke mahkamah.

2) Peguam Syarie menyerahkan perintah yang diperolehi tersebut kepada UPPP (Bailif) untuk melaksanakan perintah pelaksanaan.

3) UPPP menyerahkan perintah yang diperolehi kepada Penghutang Penghakiman dan bailiff.

4) Bailif akan melaksanakan perintah pelaksanaan yang berkaitan mengikut prosedur undang-undang yang telah ditetapkan (Manual Kerja Bailif). Jumlah wang yang diperolehi daripada tindakan Bailif akan diserahkan kepada Pemiutang Penghakiman dan lebihan wang yang diperolehi dari tindakan pelaksanaan Bailif akan dikembalikan kepada penghutang penghakiman mengikut prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang.

*Rujuk Carta Aliran Lampiran B*





**UNIT PENGURUSAN DANA**

Unit Pengurusan Dana (UPD) merupakan salah satu unit di bawah BSK yang bertangggungjawab untuk menyusul tindakan pembayaran pendahuluan nafkah sementara kepada ibu dan anak-anak berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh UKNP. Seterusnya UPD akan membuat siasatan untuk menentukan kesahihan butiran yang dikemukakan pengadu dan jika didapati layak menurut kriteria dan syarat tertentu, cadangan bayaran pendahuluan nafkah akan dibentangkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun mengikut amaun nafkah yang telah diperintahkan oleh Mahkamah.

Pendahuluan bayaran nafkah ini bukanlah sebagai satu bayaran terus atau hangus kepada pemohon/ penerima, sebaliknya ia akan dikutip daripada bekas suami atau bapa yang telah gagal memberikan nafkah kepada anak-anak mereka setelah penguatkuasaan dilaksanakan. UPD hanya akan membayar nafkah sementara ini dalam tempoh enam bulan sahaja bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung bekas isteri atau ibu. Pada masa yang sama, UPPP yang akan bertindak sebagai Peguam Syarie akan menfailkan saman di mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi melaksanakan penguatkuasaan ke atas bekas suami atau bapa yang telah gagal memberi nafkah kepada anak-anak mereka.

*Rujuk Carta Aliran Lampiran C*



**KEMUDAHAN PENGINAPAN SEMENTARA " BSK TRANSIT"**

BSK TRANSIT merupakan bantuan perkhidmatan penginapan sementara dikendalikan oleh Bahagian Sokongan Keluarga khusus untuk pihak-pihak yang tidak berkemampuan semasa menghadiri prosiding kes di Mahkamah Syariah.

**OBJEKTIF BSK TRANSIT**

- Memudahkan pihak-pihak membuat persiapan dari segi penyampaian mereka pada keesokan hari perbicaraan;
- Memudahkan pihak-pihak datang awal sebelum perbicaraan berlangsung; dan
- Melicinkan perjalanan prosiding sesuatu kes di Mahkamah Syariah.

# BSK: PERKASAKAN PERINTAH NAFKAH

## FUNGSI "BSK TRANSIT"

- Menyediakan penempatan penginapan (BSK TRANSIT) kepada ibu-ibu tunggal dan pihak-pihak yang tidak berkemampuan semasa menghadiri perbicaraan di Mahkamah Syariah.

- Melaksanakan peranan bantu-membantu saudara seagama terutamanya kepada yang tidak berkemampuan seperti yang disarankan oleh Allah melalui al-Quran dalam Surah al-Maidah, ayat 2 yang bermaksud:

  *"Dan tolong menolonglah antara kamu atas kebaikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu tolong menolong atas kejahatan dan permusuhan."*

- Menjamin kehadiran pihak-pihak di Mahkamah Syariah dalam prosiding atau perbicaraan di mana berlaku sesetengah kes terpaksa ditangguhkan kerana ketidakhadiran pihak-pihak akibat masalah jarak perjalanan dan kos dari tempat mereka ke mahkamah;

- Dengan adanya kemudahan penginapan tersebut, sedikit sebanyak dapat melindungi keselamatan pihak-pihak khususnya ibu-ibu tunggal yang terpaksa hadir ke mahkamah dengan tanpa ditemani oleh sesiapa untuk memastikan haknya terbela dan dapat ditegakkan;

- Mempercepatkan lagi proses perbicaraan dan seterusnya dapat mengurangkan bilangan kes-kes yang tertangguh di mahkamah akibat ketidakhadiran pihak-pihak atas alasan jarak perjalanan ke mahkamah jauh dari tempat tinggal; dan

- Pihak-pihak yang hadir ke mahkamah akan merasa lebih selesa dan tenang dalam menghadiri perbicaraan di mahkamah kerana persediaan yang lebih awal dari segi tempat penginapan telah disediakan.

16




17




18




19

# Tindakan provokasi nodai Dataran Pidato

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GOERGE TOWN -** Tindakan provokasi sekumpulan lelaki yang bertindak ganas pada perhimpunan aman Gerakan Hapus Akta Hasutan (GHAH) Pulau Pinang di Dataran Pidato, Jalan Padang Kota Lama pada 12 Oktober lalu dibidas Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Parlimen di sini.

Antaranya, Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang juga ADUN Air Itam, Wong Hon Wai, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Sim Chee Keong dan ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon yang tampil mengadakan sidang media bagi mengecam tindakan ganas tersebut.

"Kami mengecam tindakan provokasi disasarkan ke atas perhimpunan aman dianjurkan 12 Oktober (lalu) yang pada asalnya untuk meningkatkan kesedaran tentang penyalahgunaan kuasa melalui Akta Hasutan 1948.

"Insiden sedemikian bukan sahaja menodai Dataran Pidato yang mengangkat prinsip demokratik terbuka serta membolehkan sesiapa sahaja menyuarakan pendapat dan pandangan, tetapi juga (insiden) menimbulkan kekacauan sehingga menakutkan orang ramai yang berada di situ," kata Hon Wai di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Naib Pengerusi Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (Bersih), Datuk Dr. Toh Kin Woon, jurucakap Suara Rakyat Malaysia (Suaram), Ong Jing Cheng dan jurucakap Aliran, Dr. Prema Devaraj.

GHAH merupakan sebuah badan dianggotai 128 badan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), aktivis kemanusiaan termasuk Bersih, Suaram, Aliran, *Amnesty International* dan *Lawyers for Liberty.*

Menurut Hon Wai, beberapa individu yang mendakwa diri sebagai 'Pro Akta Hasutan' adalah orang sama yang pernah mencetuskan kekecohan di Perhimpunan Anti-Lynas Februari 2012 dan juga di Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Mei lalu.

"Kumpulan terbabit sebenarnya boleh tampil menggunakan Dataran Pidato untuk menyatakan sokongan terhadap Akta Hasutan dan bukannya bertindak ganas, mengganggu, menghasut dan menakut-nakutkan orang awam dengan tindakan mereka.

"Setiap individu mempunyai hak dan kebebasan yang sama untuk menyuarakan pendapat mereka di Dataran Pidato ini tanpa rasa terancam, tetapi kumpulan terbabit memilih untuk menafikan kebebasan bersuara orang lain.

"Mereka mungkin telah berjaya 'merampas' Dataran Pidato, tetapi (mereka) tidak akan berjaya 'merampas' kebebasan rakyat untuk terus bersuara," tegasnya yang akan membangkitkan isu tersebut dalam sidang DUN akan datang untuk menggariskan beberapa tatacara bagi mengelakkan insiden sama berulang.

Pada masa sama, beliau turut mengharapkan beberapa anggota polis ditempatkan di Dataran Pidato berikutan beberapa insiden yang terjadi di sana.






**SEBAHAGIAN individu-individu yang dipercayai bertindak ganas pada perhimpunan aman GHAH Pulau Pinang di Dataran Pidato di sini 12 Oktober lalu.**

Dalam pada itu, Jing Cheng berkata, ekoran insiden tersebut, satu laporan polis telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Jalan Patani pada 16 Oktober lalu.

## KN fahami keperitan rakyat, perkenal program kebajikan



**ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Dr. T. Jayabalan (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas kepada salah seorang penerima pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali anjurannya di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**BATU MAUNG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menggesa rakyat Pulau Pinang supaya keluar daripada 'kegelapan'.

Beliau berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali anjurannya di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, kegelapan yang dimaksudkan adalah ketika ekonomi Malaysia saban hari yang ditekan dengan kenaikan kos sara hidup tinggi termasuk kenaikan harga barangan keperluan serta petrol.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Singapura, Sikh Shamsul Ibrahim, Kaunselor Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia, Syed Mohd. Faizal Dardin, Naib *Presiden Multimedia Development Corporation* (MDeC), Michael Warren, Pengerusi The Economic Development Innovations Singapore Pte. Ltd. (EDIS), Philip Yeo dan Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Lee Kah Choon.

Jelas Guan Eng, antara sektor yang paling pesat dalam industri SSO di Malaysia adalah perbankan, perkhidmatan kewangan dan insurans yang menguasai 30 peratus daripada keseluruhan industri SSO diikuti sektor pembuatan (27 peratus), minyak dan gas (22 peratus) dan lain-lain seperti peruncitan, logistik serta telekomunikasi.

"Malah di Pulau Pinang sendiri, sektor pembuatan dan perkhidmatan masing-masing mencatatkan 48 peratus serta 47 peratus dalam KDNK Pulau Pinang dan pendapatan melalui sektor penyumberan luar pula meningkat lebih 20 peratus tahun lalu.




**KETUA Menteri ketika diwawancara secara langsung oleh Bloomberg pada lawatan rasmi beliau ke Singapura baru-baru ini.**

"Atas sebab ini jugalah, Pulau Pinang kini memfokuskan kepada pembangunan hab IT-BPO (Teknologi Maklumat Penyumberan Luar Proses Perniagaan) bernilai RM3.3 bilion di Bayan Lepas," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu, pada Mei lalu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Temasek juga telah memeterai perjanjian persefahaman untuk membangunkan BPO Prime dan Taman Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (PITP) yang bernilai RM11.4 bilion sekaligus melonjakkan nama Pulau Pinang sebagai mercu BPO unggul di Malaysia.

## KM pertikai lagi wibawa MIDA rekod FDI negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mempertikai lagi kewibawaan Lembaga Pelaburan Perindustrian Malaysia (MIDA) yang didakwa merekodkan angka pelaburan Pulau Pinang secara tidak tepat membabitkan pelaburan asing langsung (FDI) untuk semua sektor, tanpa terlebih dahulu merujuk pada info sahih daripada Kerajaan Negeri.

Beliau berkata demikian sebagai respons pada dalih lanjut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Phang Ah Tong di portal berita *The Malaysian Insider* baru-baru ini.

Ah Tong antara lain dilaporkan menyebut, lembaga Kerajaan Pusat itu dalam tempoh Januari hingga Julai lepas direkodkan meluluskan sebanyak 95 projek pelaburan dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) bernilai RM4.6 bilion di negeri ini.

"Tanah untuk pemajuan industri hanya boleh disediakan oleh Kerajaan Negeri, tanpa tanah, bagaimana pelabur boleh melabur di Pulau Pinang."

"Maka, tanah adalah disediakan oleh Kerajaan Negeri sahaja dan Kerajaan Pusat langsung tiada tanah (untuk tujuan) perindustrian di Pulau Pinang."

"Sepatutnya MIDA rujuk kita terlebih dahulu...tanpa merujuk pada kita, bagaimana dia boleh tahu angka pelaburan sebenar (di Pulau Pinang untuk semua sektor)," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Guan Eng mempertikai wibawa MIDA kerana lembaga Kerajaan Pusat berkenaan hanya merekodkan pelaburan asing langsung (FDI) ke Pulau Pinang untuk sektor E&E sahaja yang berjumlah berjumlah RM2.34 bilion dan bukannya semua sektor.

MIDA turut dipertikai kerana agensi Kerajaan Pusat tersebut dalam tempoh Januari hingga September tahun ini direkodkan merujuk dua pelabur asing baharu sahaja kepada *investPenang* (iP) di bawah Kerajaan Negeri.



**ABDUL Rahman Rahim ketika berucap pada pameran solo beliau bertemakan *'Journey of a Travel Painter: Landscape Inspiration'* di DUN Pulau Pinang baru-baru ini.**

Sedangkan, kata Guan Eng, iP dalam tempoh sama direkodkan merujuk 13 pelabur asing baharu ke Pulau Pinang dengan agensi pusat berkenaan.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan menegaskan bahawa, seberapa banyak pun FDI ke negeri ini, akhirnya turut memberi manfaat kepada FDI negara.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng merasmikan Pameran Solo Datuk Abdul Rahman Rahim, bertemakan *'Journey of a Travel Painter: Landscape Inspiration'* di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Guan Eng dalam ucapannya memuji inisiatif Speaker DUN Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang kerana membawa sedikit kelainan di institusi yang lazim menjadi tempat mengubal undang-undang negeri tersebut.

Timbalan Speaker DUN Pulau Pinang, Datuk Maktar Shapee dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon turut menyertai majlis perasmian pameran selama sembilan hari bermula pada 18 hingga 26 Oktober lalu tersebut.

Abdul Rahman merupakan anak jati Pulau Pinang yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam serta pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang kesenian di Universiti Malaya, seterusnya ke *Canberra School of Art*, Australia.

Dengan kerjayanya sebagai seorang diplomat, Abdul Rahman berpeluang merantau ke pelbagai negara selama 30 tahun untuk mengembangkan ilham serta menghasilkan karya bertemakan lanskap.

Pada tahun 1997, lukisan berjudul 'Datai-Langkawi' merupakan antara karya terbaik Abdul Rahman hingga memenangi anugerah dalam pertandingan kesenian peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Galeri Seni Lukis Negara.

## PKS bantu sumbang sektor pembuatan & perkhidmatan negeri




**SEBAHAGIAN ahli FMM yang menerima pengiktirafan khas sempena majlis makan malam ke-45 pertubuhan berkenaan di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN THING**

**GEORGE TOWN –** Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan penyumbang utama kepada industri pembuatan selain menjadi tulang belakang ekonomi negeri Pulau Pinang, ucap Ketua Menteri pada Majlis Makan Malam Ke-45 Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, negeri kini mempunyai 337 syarikat anggota yang mana 72 peratus daripadanya adalah terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

"Tidak dinafikan PKS membantu menyumbang dengan ketara terhadap pertumbuhan sektor pembuatan dan perkhidmatan negeri ini.

"Jika dibina dan diuruskan dengan betul, PKS mampu menghasilkan nilai tambah besar bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang secara keseluruhan," ujarnya.

Hadir sama, Presiden FMM, Datuk Saw Choo Boon dan Pengerusi FMM Cawangan Pulau Pinang, Datuk Khoo Cheok Sin.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri secara agresifnya menggalakkan pembangunan pertumbuhan PKS di Pulau Pinang dengan menubuhkan strategi serampang tiga.

"Pertama, penubuhan Penasihat Pasaran, Latihan dan Sumber PKS (SMART) adalah inisiatif bagi menyediakan maklumat pasaran bebas kepada syarikat-syarikat tempatan dan usahawan.

"Membina Pusat PKS Pulau Pinang bernilai RM40 juta dengan keluasan 160,000 kaki persegi sebagai pemupukan langkah permulaan untuk PKS baru bergerak di atas rantaian nilai serta mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

"Ketiga, membina Perkampungan PKS di Batu Kawan bagi membentuk rangkaian Perbadanan Multinasional (MNC-PKS) yang mana PKS boleh membeli tanah untuk membina kilang-kilang dalam membentuk satu kumpulan rantaian bekalan di lokasi tersebut kelak," jelas beliau.

# Komposter Aerob bantu kitar semula sisa makanan jadi baja



PROF. Dr. P. Ramasamy (empat dari kanan) memasukkan sisa-sisa makanan terkumpul ke dalam tong komposter aerob khas sebagai gimik Majlis Perasmian Projek Komposter Aerob di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **J. PATMAVATHY**

**PERAI** – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai baru-baru ini melancarkan Projek Komposter Aerob bagi menggalakkan penduduk setempat mengitar semula sisa-sisa makanan terkumpul untuk dijadikan baja.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, anjuran program seumpamanya bukan sahaja untuk menggalakkan persekitaran yang lebih hijau, tetapi, lebih penting menyumbang kepada pengurangan pemanasan global.

"Ini adalah langkah kecil, langkah pertama yang perlu diambil setiap orang.

"Setiap orang seharusnya berganding bahu bersama-sama menjayakan program hijau seumpama ini.

"Kita perlu pastikan bumi yang bakal diwarisi generasi akan datang adalah lebih bersih, hijau dan selamat," ucapnya pada Majlis Perasmian Projek Komposter Aerob di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPSP, M. Satees dan P. David Marshel.

Pengarah Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod turut berucap pada majlis tersebut.

Menurut Rosnani, cetusan idea projek tersebut diperoleh dan dipelajari dari Surabaya, Indonesia.

Difahamkan, sebagai permulaan, pengenalan projek tersebut akan dimulakan di peringkat perumahan sebelum diperkembangkan skalanya membabitkan skala yang lebih besar.



CONTOH sisa-sisa kitar semula untuk dijadikan baja.


## KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
## Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)
### NOTIS PERMOHONAN CADANGAN (RFP)
### (KOD : LGD / RFP-PDP / 1 / 2014)

Tawaran ini dibuka kepada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai Notis Permohonan Cadangan (RFP) seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | PROJEK JALAN DAN PENGANGKUTAN AWAM DI PULAU PINANG (Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang 2013 - 2030) |
| TARIKH BUKA | : | 15 OGOS 2014 (JUMAAT) |
| TARIKH TUTUP | : | 16 DISEMBER 2014 (SELASA) |

1. Pembida yang berminat dikehendaki mengemukakan sejumlah wang yang tidak akan dikembalikan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja (RM 2,000.00) melalui cek / kiriman wang pos kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan dokumen RFP Tender, termasuk enam (6) jilid Laporan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) .

2. Dokumen RFP dan Laporan PIP boleh didapati di **Kaunter Juruwang, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang** pada waktu pejabat dari **8:00 pagi-5:00 petang** mulai dari **15 Ogos 2014**.

3. Pembida yang berminat diwajibkan untuk menghadiri taklimat RFP seperti berikut:

   **Tarikh : 27 Ogos 2014 (Rabu)**
   **Masa : 9.30 pagi**
   **Tempat : Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR, Pulau Pinang**

4. Dokumen yang lengkap hendaklah diletakkan di dalam sampul bertutup dan hendaklah ditanda dengan jelas di sudut atas sebelah kanan sebagai Projek Jalan dan Pengangkutan Awam di Pulau Pinang, Malaysia sebelum atau pada jam **12 tengah hari, 16 Disember 2014** di Pejabat **Bahagian Kerajaan Tempatan, Tingkat 56, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**

5. Dokumen yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. BKT mempunyai hak untuk membatalkan tender RFP pada bila-bila masa sebelum atau selepas tarikh tutup tanpa sebarang notis.

6. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ir. Lim Thean Heng di talian **+604-6505410 / +604-2613454** *(limtheanheng@gmail.com)* atau Engr. Mustaqin bin Alpi di talian **+604-6505681** *(mus_wm@yahoo.com)*

**Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan**
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang**



**TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**

**Mulai 1 September 2014 hingga 31 Disember 2014**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks
04-2613453
Email
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

# Wanita perlu diberi perhatian dalam sukan - Exco

Gambar: **NAZLEEN NAJEEB**

**GEORGE TOWN –** Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng menyeru supaya jawatankuasa pengurusan sukan supaya turut memberi perhatian kepada golongan wanita dalam bidang berkaitan.

Katanya, sukan sering kali dianggap sebagai arena bagi golongan lelaki.

"Justeru, ia (persepsi) ini harus dikikis kerana golongan wanita bukan kaum yang lemah,'' ucapnya pada Majlis Seminar Pengurusan Sukan di sini baru-baru ini.

Berslogankan 'Merancang dan Mengatur Strategi, Memberi Inspirasi dan Motivasi kepada Individu', seminar tersebut dihadiri lebih 100 peserta yang bergiat dalam pengurusan sukan peringkat negeri.

Chong Eng dalam pada itu turut menggesa jawatankuasa sukan di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) supaya bekerja keras dalam menganjurkan acara-acara sukan bagi menarik minat muda-mudi di sini.

"Pendekatan tersebut secara tidak langsung dapat mengelakkan golongan belia terlibat dengan aktiviti kurang sihat seperti gejala sosial dan sebagainya," jelasnya.

Tambah beliau, selain pengurusan berkesan, perubahan dan semangat perlu datang daripada atlet sendiri terutamanya dalam menjadi antara kalangan yang terbaik.

"Tidak dilupakan juga soal disiplin, pemilihan jurulatih yang baik mampu menjana tauladan kepada barisan atlet untuk mencipta kejayaan," jelasnya.




**CHONG Eng (tida dari kiri) bersama-sama barisan penganjur dan jemputan merakam gambar kenangan pada penganjuran Majlis Seminar Pengurusan Sukan di sini baru-baru ini.**

## Hari Keluarga Balik Pulau tarik penyertaan setempat

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TELUK KUMBAR –** Hujan lebat pada hari penganjuran Hari Keluarga Parlimen Balik Pulau Kawasan Gertak Sanggul langsung tidak menjejaskan semangat 500 peserta yang turut serta pada program yang diadakan di persisir pantai sebuah restoran di sini baru-baru ini.

Paling mencuri tumpuan adalah acara tarik tali membabitkan kategori lelaki serta wanita.

Tambah berseri adalah kehadiran Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon yang menyempurnakan perasmian acara berkaitan.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid berkata, penganjuran program yang dimeriahkan dengan acara sukaneka, tarian zumba, pertandingan mewarna, cabutan bertuah serta penyertaan pameran oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta tersebut adalah bertujuan mengeratkan silaturrahim antara masyarakat setempat bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di sini.

"Ini merupakan anjuran JKKK Gertak Sanggul dan mendapat kerjasama baik daripada seluruh JKKK kawasan Balik Pulau," ujarnya bersempena penganjuran Hari Keluarga Parlimen Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman dan mantan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain.

Malah, para pengunjung turut dihiburkan bekas pelajar Akademi Fantasia Musim Ke-lima yang juga anak kelahiran Pulau Pinang, Aswad.



**MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) meniup wisel bagi memulakan cabaran tarik tali pada penganjuran Hari Keluarga Parlimen Balik Pulau di sini baru-baru ini.**



**GOLONGAN Hawa menunjukkan kehebatan dalam acara tarik tali.**

Tambah Halil Sabri, sumbangan pelbagai pihak terutamanya Ahli-ahli majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), JKKK dan syarikat-syarikat swasta yang menjayakan penganjuran berkenaan.

## Perlawanan persahabatan usaha tarik anak muda



**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) beraksi pada perlawanan yang diadakan buat julung kali di sini.**

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menganjurkan Pertandingan Bola Keranjang Persahabatan dengan Kelab Bola Keranjang Akira sebagai usaha menarik lebih ramai golongan muda mendekati sukan itu di sini baru-baru ini.

Pertandingan bertempat di Gelanggang Bola Keranjang Akira itu menyaksikan pasukan Afif menentang kelab anak muda Akira secara tujuh sebelah.

Menurut Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, ia merupakan kali pertama beliau cuba bermain bola keranjang.

"Walaupun saya aktif bersukan, tetapi ini adalah kali pertama saya cuba permainan bola keranjang.

"Terima kasih kepada Kelab Bola Keranjang Akira kerana sudi menjayakan pertandingan persahabatan ini dan mengajar saya sedikit-sebanyak ilmu permainan ini," ujarnya pada program berkenaan di sini baru-baru ini.

Selaras dengan penganjuran tersebut, Afif melalui Pejabat ADUNnya turut menyampaikan sumbangan 24 biji bola keranjang baru kepada kelab terbabit bagi membolehkan pihak berkaitan mengembangkan aktiviti sukan sihat itu.

"Dengan pemberian bola baru ini, diharap kelab ini dapat menjalankan aktiviti dengan lebih kerap sekaligus menarik lebih ramai anak muda melibatkan diri dalam sukan ini.

"Saya tidak menolak kemungkinan untuk menganjurkan pertandingan seperti ini sebagai aktiviti tahunan di sini nanti," kata Afif.



**AKSI anak-anak muda pada Pertandingan Bola Keranjang Persahabatan Pejabat ADUN Seberang Jaya dengan Kelab Bola Keranjang Akira di sini baru-baru ini.**

# Ayam piru pemberian abang dorong kejayaan Hashim

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**


HASHIM Ayob.


TELUR-telur yang ditempatkan di dalam mesin inkubator diperiksa dari semasa ke semasa.

**BERMULA** daripada hobi dan tiga ekor ayam piru hasil pemberian abangnya, kini, Hashim Ayob, 54, merupakan penternak berjaya yang menjadi rujukan Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang berkait bidang berkenaan.

Selain menjual daging, Hashim yang telah 14 tahun menceburi bidang penternakan ayam piru turut menjual telur, anak dan baka spesies burung yang turut dikenali sebagai ayam belanda dalam bahasa formal.

“Bermula dari hobi, saya dapat *free* tiga ekor iaitu dua ekor ibu dan seekor jantan, abang bagi sebab kawasan rumah luas dan penuh hutan.

“Abang bagi untuk bersihkan rumput di kawasan rumah sebab ayam piru memang kuat makan,” katanya memulakan perbualan kepada skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Enam bulan selepas itu, ayam piru dibelanya bertelur sebanyak 30 biji dan hasil jualan, beliau memperoleh RM3,000.

Bermula dari situ, terdetik dalam sanubari Hashim untuk memperkembangkan bidang ternakan ayam piru. Dengan modal RM120, beliau membina reban di belakang kediamannya di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.

“Apabila ada duit, saya akan tambah reban demi reban dan menambahbaik berdasarkan keperluan.

“Di reban itulah, ditempatkan 200 ekor ayam piru termasuk anak di reban anak dan baka di reban baka,” jelasnya.

Menurut Hashim, beliau lebih menfokuskan kepada ayam piru baka import kerana tempoh tumbesarannya yang lebih cepat berbanding tempatan.

“Contohnya, daging ayam piru baka import dari Sepanyol dan Australia dapat dijual dalam tempoh tiga bulan berbanding tempatan, enam bulan.

“Malah, bagi pasaran anak, baka import seperti *British Brown* dan yang dari Sepanyol adalah berharga RM100 seekor berbanding tempatan, RM8,” ujar beliau.

Mengulas mengenai corak pemakanan ayam piru, Hashim yang dikurniakan tiga cahaya mata menyatakan bahawa selain pelet, turut diberi adalah hampas soya, hampas kelapa sawit, sisa-sisa makanan, batang pisang, rumput nipel Taiwan yang berprotein tinggi.

Walaupun mempunyai permintaan tinggi di seluruh negeri, bidang perusahaan berkaitan turut berdepan dengan risikonya tersendiri.

Paling utama adalah serangan virus hawar.

“Lima tahun lalu, semua 300 ekor anak ayam piru saya mati dalam tempoh dua hari akibat diserang virus hawar.

“Sedih memang sedih, tapi seronok juga sebab ia mendorong saya untuk belajar simptom penyakit dan virus, juga cara nak kawal penyakit.


ANAK-anak ayam piru yang baru menetas.

“Ada baiknya, sebab Tuhan nak bagi ilmu kepada kita,” ulas Hashim tenang.

Sepanjang pembabitannya dalam bidang tersebut, Hashim amat berterima kasih kerana memperoleh sokongan dan dorongan berterusan daripada Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

“Selepas semua baka dan anak ayam piru saya mati diserang hawar, veterinar (Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang) bagi baka, khidmat nasihat dan infrastruktur bagi membangunkan semula penternakan sedia ada.

“Dari sana, kami belajar sama-sama dan memang saya akan bagi latihan secara percuma kepada mereka yang berminat,” katanya yang mempunyai perancangan mengendalikan kursus percuma pada waktu malam kepada individu serta pengusaha berminat kelak.

Sebagai tambahan, Hashim yang turut menternak 30 ekor angsa, itik dan lain-lain ternakan secara sampingan dan kecil-kecilan juga berharap supaya Malaysia tidak lagi perlu mengimport baka ayam piru dari luar negara.

“Malaysia mempunyai banyak tanah terbiar, sepatutnya, ia digunakan dengan berfaedah terutamanya dalam memperkembangkan bidang ternakan serta pertanian,” seru beliau.

Tiada kejayaan dapat dicapai sekiranya seseorang tidak tanamkan sifat rajin selain minat yang mendalam.

Setiap hari, rutin Hashim adalah bermula seawal 8 pagi dengan memberi makan, membersihkan reban, rawatan rapi termasuk suntikan mengikut jadual dan juga pemerhatian telur-telur yang ditempatkan di mesin inkubator ‘gergasi’ miliknya.

Melihat mesin inkubator Hashim, ia adalah lain daripada penternak yang pernah diwawancara penulis sebelum ini.

Berdasarkan saiznya, Hashim menyatakan bahawa ia mampu menempatkan 18,000 biji telur pada satu-satu masa.

Kini, Hashim bersyukur kerana minatnya dalam bidang tersebut berjaya diperturunkan kepada anak keduanya yang bakal meneruskan perusahaan tersebut.


BAKA ayam piru import yang diternak.


KEBERSIHAN di reban adalah penting bagi mengelak serangan penyakit dan virus.

**INFO :**
**012 - 564 8055**

# Dakwah *non-Muslim* guna NGO - Nur Azley Stanley

**BELIAU** mengisi senarai penerima Anugerah Tokoh Saudara Baru Sempena Sambutan Maal Hijrah 1436H/2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Tokoh yang dimaksudkan Azley Stanley (AS) atau nama sebenarnya Muhammad Nur Azley Stanley Muhammad Savarimuthu, 43, merupakan Pengerusi pertubuhan bukan kerajaan NGO dakwah I.K.U.T. mewakili Suara 10,000 Reverts Pulau Pinang (myIKUT).

Ikuti wawancara wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dengan personaliti berkenaan.

**BM: Apakah perasaan Tuan selepas dipilih menerima anugerah kali ini?**

**AS:** Semestinya rasa sangat terharu apabila mendapat anugerah dalam menjalankan kerja-kerja dakwah. Kadang-kadang berasa macam tidak layak, tetapi, saya menganggap ini 'hadiah' daripada Allah, yang sudah tentu datang dengan tanggungjawab yang lebih besar lagi.

**BM: Bolehkah saudara berkongsi serba sedikit mengenai pengalaman dakwah membabitkan bukan Islam atau *non-Malay*?**

**AS:** Saya sendiri seorang *non-Muslim* untuk 23 tahun sebelum memeluk Islam. Sesudah mengenali Islam, saya berasa sedih kerana ramai lagi daripada kalangan adik-beradik dan kenalan terdekat masih belum mengenai Alllah.

Berdakwah, ertinya perlu berinteraksi, dialog, saling empati dengan rakan-rakan. Sebarkan Islam sebagai agama yang mementingkan kasih sayang walaupun kita semua mungkin berbeza warna kulit dan agama.

Alhamdulillah, abang kedua saya, Winston Kumar (kini dikenali sebagai Abdul Wahab Winston) peluk Islam lebih awal pada tahun 1990 dan saya peluk Islam empat tahun berikutnya. Ibu dan ayah saya, Rosalind Sronmani, 74 tahun atau nama Islamnya, Siti Rosalind dan Savarimuthu atau nama Islamnya Muhammad Savarimuthu peluk Islam pada tahun 2010.

Bagi saya, *non-Muslim* sudah tahu tentang Islam, tinggal kita yang (beragama) Islam tidak tahu kaedah untuk berkongsi kasih sayang mengenai Islam untuk seluruh manusia di tanah air ini.

**BM: Bagaimana pula pengalaman dakwah menerusi NGO myIKUT?**

**AS:** myIKUT ini (akronim) bermaksud "Infaq Kebajikan Ummah Takaful". Terus terang saya katakan yang saya kurang menghadapi kesukaran dengan *non-Muslim* melalui platform myIKUT ini, tetapi ada beberapa cabaran kecil daripada orang Islam sendiri, sama ada dari rakan sepejabat hingga ilmuan agama.

Masyarakat lebih mudah menerima program berorientasikan perkongsian kerana myIKUT adalah NGO. Fokus myIKUT adalah berkongsi pengetahuan mengenai Allah dengan *non-Muslim* dan menyeru umat Islam melakukan kerja buat dakwah Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, hampir 30 masjid kini menjadi 'Rakan myIKUT'.

Saudara baru kita rata-rata ada banyak komitmen daripada segi kerja serta cabaran untuk menyesuaikan diri dengan Islam.

Oleh kerana Islam agama mudah, maka kita permudahkan urusan saudara baru melalui projek *Home Kuliah*, dengan tenaga pakar secara sukarela daripada kalangan guru-guru JQAF sendiri.

Terbaru, myIKUT turut mengadakan hubungan diplomatik dengan kumpulan saudara baru di Yala, Thailand untuk kita belajar mengenai pergerakan sivil mereka di sana.

Jika dibandingkan dengan kita, kehidupan saudara baru di sana lebih daif, serta ada yang dibuang keluarga dan dizalimi.

Di tanah air ini pun, banyak kita dengar kes seumpama ini. Sebenarnya, saudara baru wajar dilihat *the chosen one* dan kehadiran mereka tidak wajar dilihat seolah-olah menyusahkan pihak tertentu, khususnya dalam kalangan segelintir ilmuan Islam.

**BM: Bagaimana Tuan melihat Pulau Pinang ini sendiri untuk aktiviti NGO dakwah kepada bukan Islam?**



MUHAMMAD Nur Azley Stanley Muhammad Savarimuthu (kanan sekali) menerima sijil penghargaan sebagai Tokoh Saudara Baru daripada Yang Di-pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Sambutan Maal Hijrah 1436H/2014 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

**AS:** Sebenarnya umat Islam, segelintirnya gagal memahami pengalaman yang dilalui oleh saudara baru. Segelintir umat Islam mengharap apabila seseorang itu memeluk Islam, mereka tidak memberi masalah pada kita.

Namun, pada hakikatnya seseorang yang memeluk Islam pula mengharapkan kehidupannya akan bertambah baik. Maka, sudah tentu saudara baru inipun akan mengharap pada kita perkara serupa.

Kita perlu ingat, jika tak ada saudara baru, maka, tak ada lah (mengucap dua kalimah syahadah). Apabila tak ada syahadah, maka, 'mati' lah usaha dakwah.

Di Pulau Pinang istimewa kerana begitu banyak NGO dakwah yang proaktif. myIKUT sendiri hingga kini masih banyak menimba pengalaman daripada banyak NGO dakwah yang hebat di negeri ini.

Lebih menarik, Exco Hal Ehwal Agama Islam (Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Datuk Abdul Malik Abul Kassim turut memberi sokongan langsung kepada pergerakan NGO dakwah sejak awal tahun ini.

Pejabat Exco Hal Ehwal Agama Islam benar-benar membantu kerja dakwah yang kritikal serta berusaha memudahkan sesuatu perancangan yang hampir tergendala. Sebagai contoh, penubuhan Jawatankuasa Khas untuk menangani masalah dalam kalangan saudara baru.

Masjid Cina Titi Papan adalah inisiatif YB Datuk Abdul Malik dengan melantik 50 peratus ahli jawatankuasanya terdiri daripada saudara baru.

Usaha ini implisitnya memperlihatkan kemampuan saudara baru menguruskan masjid ini sebelum cadangan membina sebuah Masjid Cina dengan senibina Cina nanti.

**BM: Apa harapan Tuan?**

**AS:** Iklim kebebasan beragama di Pulau Pinang bagi saya adalah kekuatan untuk NGO myIKUT bergerak. Saya berharap, Islam boleh menjadi agama kasih sayang untuk penganutnya, serta mereka yang mempunyai perasaan untuk lebih mengenai Allah sebagai Tuhan Seluruh Alam.

Saya berharap lebih ramai aktivis dakwah dan NGO dakwah boleh duduk semeja menguruskan matlamat bersama ini serta memberi sokongan pada perjalanan penubuhan Majlis Dakwah Negeri yang sedang diusahakan kini.



**INFO GRAFIK:**

Nama Penuh:
**Muhammad Nur Azley Stanley Bin Muhammad Savarimuthu**

Nama Sebelum Islam:
**Stanley Nathan A/L Savarimuthu**

Tempat Tinggal:
**Bukit Gambir**

Tempat Lahir:
**Sabah**

Prinsip Hidup:
***To Give & To Forget***

Bakat:
**Menyanyi**

Isteri:
**Norazizah Abdullah, 46**

Cahaya Mata:
**Muhammad Nur Afif Danial, 17, Muhammad Nur Aniq Danish, 15, Nur Ainna Dalila, 13, dan Nur Anesa Dafina,11.**

# Mesin kompos di pasar harap kurang sisa sampah



LAW Heng Kiang (tiga dari kiri) ditemani Patahiyah Ismail (empat dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis MPPP menunjukkan tanda bagus pada Kempen Kesedaran Kebersihan Komuniti Peniaga Pasar dan Premis Makanan Kawasan Batu Lanchang baru-baru ini di sini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** Inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mempergiatkan pemasangan mesin kompos di pasar-pasar sekitar Pulau Pinang bagi mengekang sisa makanan diharap dapat mengurangkan peratusan sisa sampah domestik daripada bahan terbuang tersebut, ujar Yang di-Pertua MPPP, Datuk Patahiyah Ismail di sini baru-baru ini.

Patahiyah berkata, dalam usaha mewujudkan persekitaran yang mampan, MPPP telah memperuntukkan pemasangan mesin kompos ketiga di Pasar Batu Lanchang selain daripada projek perintis di Pasar Pulau Tikus dan Pasar Chowrasta sebelumnya.

"Satu teknologi baru perlu diperkenalkan bagi mengurangkan pembaziran dan amalan pengurangan sisa terbuang.

"Walaupun Pulau Pinang berada sebaris di hadapan dalam usaha pemuliharaan alam sekitar sihat iaitu pada kadar 29 peratus, tetapi, ia masih memerlukan usaha membabitkan masyarakat kolektif secara keseluruhan untuk mengurangkan sampah domestik iaitu 33 peratus sisa makanan," katanya pada Kempen Kesedaran Kebersihan Komuniti Peniaga Pasar dan Premis Makanan Kawasan Batu Lanchang baru-baru ini di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang merangkap Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang turut hadir pada majlis berkenaan.

Menurut Patahiyah, rekod menunjukkan bahawa secara puratanya setiap individu menghasilkan satu kilogram (kg) makanan terbuang setiap hari.


LAW Heng Kiang (dua dari kanan) cuba menggunakan mesin kompos yang ditempatkan di Pasar Batu Lanchang sambil diperhatikan Patahiyah Ismail (bertudung).

"Mesin kompos tersebut mampu memproses sehingga 1,000 liter bahan kompos daripada sisa makanan apabila dicampurkan dengan enzim selama 28 hari sebelum mengubahnya menjadi baja.

"Syabas! Kami gembira di atas amalan 5R iaitu Kurang *(Reduce)*, Guna Semula *(Reuse)*, Kitar Semula *(Recycle)*, Fikirkan Kembali *(Rethink)* dan Cipta Semula *(Reinvent)* yang dipraktikkan di Pasar Batu Lanchang kini," ujar beliau.


PARA peserta dan barisan penganjur bergambar kenangan pada kejohanan *4th Korea Open Busan International Dragon Boat 2014* baru-baru ini.

## Pasukan Perahu Naga MPPP cemerlang di arena antarabangsa

Gambar : **MPPP**

**GEORGE TOWN –** Penglibatan dan sokongan berterusan pihak pengurusan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) membolehkan pasukan Perahu Naga pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit cemerlang dalam kejohanan *4th Korea Open Busan International Dragon Boat 2014* yang berlangsung di Suyeong River, APEC Naru Park, Haeundae, Busan, Korea pada 8 hingga 12 Oktober lalu.

Pengurus pasukan, Khairol Izwan Salamat berkata, MPPP berjaya muncul sebagai naib johan dalam tiga kategori iaitu *Premier Open 500 meter, Premier Open 500 meter* serta *Premier Open 200 meter* dan *Premier Open 200meter* (ketiga).

"Pasukan Perahu Naga MPPP adalah terdiri daripada 100 peratus kakitangan Majlis dan mula bergiat aktif dalam arena sukan tersebut semenjak tahun 90an.

"Lebih manis lagi, penyertaan kali ini merupakan yang pertama bagi pasukan dan kita tidak menjangkakan sebarang kemenangan," katanya di sini baru-baru ini.

Penganjuran kejohanan perahu naga kali ke-empat tersebut turut disertai lebih 20 pasukan antarabangsa antaranya dari Filipina, Hong Kong, Australia, Singapura, Taiwan dan lain-lain.

## MPPP lantik CCR kutip tunggakan cukai

Gambar: **ALISSALA THIAN**


PATAHIYAH Ismail (dua dari kiri) ditemani Ir. Ang Aing Thye (kiri sekali) pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Bermula 1 November lalu, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah melantik sebuah agensi berdaftar, CCR Networks Sdn. Bhd. (CCR) bagi membantu pihaknya 'mengutip' semula cukai taksiran tertunggak sekitar RM58 juta membabitkan tempoh tahun 2005 hingga kini.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Patahiyah Ismail berkata, usaha itu adalah salah satu langkah bagi membolehkan pihaknya mengutip semula cukai taksiran tertunggak terbabit sebelum kes-kes tersebut dilanjutkan untuk tindakan mahkamah.

"Adalah diharapkan pemilik premis memberi kerjasama sewajarnya kepada agensi ini.

"Ataupun, mereka terbabit boleh membuat bayaran tunggakan di kaunter-kaunter MPPP bagi mengelakkan tindakan lanjut diambil," ujarnya selepas selesai Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye.

Difahamkan, setakat ini, sekitar 3,000 nama yang mempunyai bayaran tertunggak membabitkan firma, syarikat dan individu perseorangan diserahkan kepada agensi berkenaan untuk dihubungi bagi tindakan lanjut.

Ketika ditanya mengenai pendekatan kutipan yang bakal digunakan, Patahiyah menjelaskan bahawa agensi terbabit akan menggunakan dua kaedah samada melalui panggilan telefon atau lawatan dari premis ke premis.

"Mereka (CCR) akan menghubungi individu ataupun syarikat yang berkaitan.

"Lawatan turut akan diadakan dari premis ke premis bagi memberi nasihat dan mengeluarkan surat peringatan.

"Bagaimanapun, kita mengingatkan orang ramai agar tidak membuat sebarang bayaran tunai kepada agen dilantik, sebaliknya, melakukan bayaran di kaunter-kaunter Majlis yang sah," ujar Patahiyah.

Bagi sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Cukai Taksiran MPPP, Nor Hazliza atau Rasidy di talian 04 – 259 2178/04 – 259 2341/04 – 259 2342.

# MPSP finalis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bukan sahaja dipilih menerima anugerah dalam Sistem Pemantauan Pintar (SPP), bahkan, turut disenarai pendek ke Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) bagi tahun 2014.

Majlis AIPM 2014 diadakan pada 5 September lepas di Dewan Perdana dekat Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), yang dirasmikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak.

Yang di-Pertua MPSP, Datuk Maimunah Mohd. Sharif berkata, penyampaian sijil kepada finalis AIPM 2014 disampaikan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr. Ali Hamsa sempena Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) di Subang Jaya, Selangor pada 9 Oktober lepas.

"Wakil MPSP, iaitu Encik Abdul Fikri Ridzauudin Abdullah, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Teknologi Maklumat telah menghadiri (AISA) untuk menerima sijil berkenaan," katanya pada sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta tiga Ahli Majlis, Micheal Tan Cheong Heng, Rezal Huzairi Md. Zaki dan Ahmad Kaswan Kassim turut hadir pada sidang media tersebut.

Maimunah berkata, dua pengiktirafan tersebut sekaligus mereputasi lagi nama MPSP serta Kerajaan Negeri di peringkat nasional.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (enam dari kiri), Sr. Rozali Mohamud (lima dari kiri) dan barisan ahli majlis bergambar kenang-kenangan dengan pasukan kakitangan yang berjaya membawa MPSP menerima anugerah SPP di sini baru-baru ini.**

# Segera tubuh JMB selesai isu caj penyelenggaraan tertunggak

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melalui Suruhajaya Pesuruhjaya Bangunan (COB) digesa menyegerakan prosos penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB) dipohon pemaju dan komuniti pemilik tapak perumahan strata berwajib.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, langkah itu boleh membantu JMB atau Perbadanan Pengurusan (MC) menangani isu keengganan atau kegagalan pemilik tapak rumah berstrata membayar caj penyelenggaraan tertunggak.

"Jika JMC atau MC ini ditubuhkan, mereka boleh mengutip caj penyelenggaraan daripada komuniti untuk menjaga kebersihan dan keselamatan kawasan kediaman berstrata ini.

"Lebih elok semua JMC atau MC, pemaju serta pemilik rumah berstrata diberi pemahaman mengenai hak masing-masing terlebih dahulu seperti seminar yang dianjurkan MPSP ini.

"Biarlah prosiding di mahkamah ke atas mereka yang enggan atau gagal melangsaikan caj penyelenggaraan tertunggak adalah langkah terakhir diambil JMB atau MC," jelasnya semasa merasmikan Seminar Pemahaman Tugas & Tanggungjawab JMC/MC Serta Pemilik Petak Komuniti Berstrata di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Yang di-Pertua MPSP, Datuk Maimunah Mohd. Sharif.

Setiasuaha MPSP, Sr. Rozali Mohamod serta beberapa Ahli Majlis lain turut menyertai seminar tersebut.

Menurut Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, setiap pemilik tapak perumahan berstrata sebenarnya diwajibkan membayar caj penyelenggaraan, jika dirujuk pada Seksyen 23 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

Difahamkan, akta tersebut antara lain memberi hak kepada JMB atau MC untuk mengeluarkan Notis 14 hari sebanyak dua kali kepada mereka yang enggan atau gagal melangsaikan caj penyelenggaraan tertunggak sebelum meneruskan langkah prosiding mahkamah.

Sebelum itu, Maimunah mendedahkan, MPSP sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah 'Kategori Satu' mempunyai kira-kira 62,267 petak meliputi 941 kawasan pemajuan berstrata.

Jelasnya, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) mempunyai bangunan berstrata sebanyak 379 kawasan dengan 21,882 petak, diikuti Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) berjumlah 487 kawasan dengan 35,053 petak, dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) berjumlah 75 kawasan dengan 5,332 petak.

Dari angka itu, Maimunah memberitahu, dianggarkan hampir 186,801 warganegeri mendiami bangunan berstrata di Seberang Perai jika diandaikan tiga orang mendiami tiap-tiap petak di sini.

"Setakat September 2014, pretasi JMB/MC bagi kategori 11 petak dan ke atas tanpa mengambil kira kawasan kurang dari 10 petak dan ke bawah, sebanyak 87.24 peratus (meliputi 335 kawasan pemajuan) di Seberang Perai telah berjaya menubuhkan JMB atau MC.

"Saya berharap dengan adanya pendedahan melalui seminar ini, para peserta akan menghebahkan kepada pemilik-pemilik komuniti berstrata yang lain untuk menubuhkan JMB atau MC," ujar Maimunah.

# Lima kakitangan terima pampasan MPSP



**S. Basudevan (berkerusi roda) menerima cek ex-gracia berjumlah RM37,472.15 daripada Maimunah Mohd. Sharif (tiga dari kanan) sambil disaksikan beberapa pemimpin MPSP lain di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA –** Lima kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang pernah mengalami kemalangan semasa menjalankan tugas hingga mengakibatkan hilang upaya kekal menerima pampasan berwajib baru-baru ini.

Mereka, S. Basudevan menerima pampasan sebanyak RM37,472.15, Muhamad Alif Yusoh (RM31,797.41), Abdul Halim Mat (RM13,448.03), Mohd. Hazli Harun (RM5,555.99) dan Azmezi Yusoff (RM5,311.88).

Yang di-Pertua MPSP, Datuk Maimunah Mohd. Sharif berkata, pemberian pampasan itu adalah berdasarkan kelulusan ketetapan Mesyuarat Penuh pada 30 Jun 2012 yang meluluskan cadangan bayaran Skim Ex-Gracia Bencana Kerja bagi kakitangan majlis berkuatkuasa pada 1 Julai 2011.

"Bagaimanapun, tarikh pembayaran mula dibuat pada 1 Januari 2012...permohonan telah diterima daripada lima kakitangan majlis yang mengalami kemalangan atau bencana semasa menjalankan tugas rasmi.

"Pampasan atau ex-gracia ini diberikan setelah mendapati mereka yang berkenaan mengalami hilang upaya kekal akibat kemalangan dalam tugas rasmi," ujarnya kepada wartawan di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta tiga ahli majlis lain, Tan Cheong Heng, Rezal Huzairi Md. Zaki, Ahmad Kaswan Kassim turut menyertai majlis pemberian sumbangan tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Maimunah pada bulan Ogos lepas turut menyerahkan RM25,631.62 pampasan kepada balu Allahyarham Mohamad Fauzi Hasan yang terlibat dalam satu kemalangan jalan raya semasa menjalankan tugas rasmi majlis.

Sebanyak RM100,000 diperuntukan dalam Bajet MPSP 2014 untuk tujuan pampasan atau ex-gracia kepada kakitangan majlis yang layak.

# Pesta Cahaya Batu Uban tidak lupa golongan kurang mampu

**HARMONI...** Kira-kira 800 tetamu berbilang kaum hadir bagi bersama meraikan Majlis Rumah Terbuka Pesta Cahaya 2014 anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan di sini baru-baru ini.

Selain sajian makanan tradisional seperti maruku, laddu dan nasi minyak, para tetamu turut dihiburkan dengan tarian tradisional India dan nyanyian berentak Bollywood.

Turut disumbangkan adalah 50 hamper berupa barang keperluan harian kepada mereka yang terpilih melalui lima Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) kawasan Batu Uban di sini.

Majlis perasmian acara tersebut disempurnakan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Law Choo Kiang dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



**SEBAHAGIAN tetamu yang hadir.**




**DR. T. Jayabalan (barisan depan, tiga dari kiri) bergambar kenangan dengan Anwar Ibrahim (barisan depan, tengah) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Rumah Terbuka Pesta Cahaya 2014 anjurannya di sini baru-baru ini.**

# Mangsa ribut dapat bantuan segera ADUN



**SOON Lip Chee (tengah) menyampaikan bantuan Tabung Bencana TYT kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kemusnahan akibat ribut petir di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**KEADAAN bumbung rumah salah seorang mangsa ribut yang rosak.**

**JAWI –** Bantuan segera daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee sedikit-sebanyak meringankan beban lima keluarga yang menjadi mangsa ribut petir di Kampung Kebun Baru, Nibong Tebal dekat sini baru-baru ini.

Lip Chee berkata, semua mangsa bencana masing-masing menerima bantuan kewangan melalui Tabung Bencana TYT (Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri) sebanyak RM2,200.

Selain itu, beliau turut berbesar hati memberi bantuan segera dengan melantik kontraktor binaan bagi membaiki struktur bumbung yang rosak teruk.

"Kejadian seumpama ini jarang berlaku, namun, saya tetap bersedia dengan pasukan bantuan yang terdiri daripada JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) bagi menghadapinya," katanya ketika mengadakan lawatan ke kediaman mangsa-mangsa ribut petir di sini.

Turut sama, wakil JKKK Kebun Baru.

Dalam kejadian pada 5 Oktober lalu, lima kediaman di Kampung Kebun Baru mengalami kerosakan teruk apabila akibat kejadian ribut petir.

# Dua badan korporat jayakan kempen derma darah




**WONG Hon Wai (kiri sekali) beramah-mesra dengan salah seorang penderma bersempena Kempen Derma Darah Wan Hai di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM –** Sempena pra-sambutan ulangtahun ke-50 syarikat kargo logistik, Wan Hai (Lines) Malaysia Sdn. Bhd. (Wan Hai) baru-baru ini, pihak terbabit mengambil inisiatif menganjurkan Kempen Derma Darah di Hospital Carl Corrynton di sini.

Pengurus Wan Hai Cawangan Pulau Pinang, Ken Lew berkata, kempen tersebut merupakan program tanggungjawab korporat sosisal (CSR) pihak syarikat yang bertujuan menambah bekalan darah sedia ada Hospital Pulau Pinang (HPP).

"Jemputan program yang julung kali diadakan ini tidak terhad kepada kakitangan Wan Hai semata-mata.

"Sebaliknya, ia turut dilanjutkan kepada pihak syarikat-syarikat logistik dan kargo lain bagi membolehkan sasaran kempen sebanyak 100 paket darah dicapai," katanya pada sidang media penganjuran Kempen Derma Darah Wan Hai di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Air Itam.

Hon Wai dalam pada itu menyeru badan-badan swasta supaya mencontohi usaha dilaksanakan dua syarikat berkaitan dalam membantu golongan memerlukan.

Wan Hai merupakan sebuah syarikat bergiat dalam industri kargo logistik dunia berasal dari Taiwan. Operasinya mula bertapak di Asia Pasifik termasuk Malaysia pada tahun 1976 dan kini syarikat terbabit berada pada kedudukan ke-21 dunia membabitkan bidang pengedalian kontena.

# MP syor hospital baru di Batu Kawan



P. Kasthuriraani (barisan depan, lapan dari kanan) dan Dr. T. Jayabalan (barisan depan, tujuh dari kakan) bersama-sama pasukan penganjur Kem Kesihatan Peringkat Parlimen Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI –** Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani berharap Putrajaya mempertimbang syor memajukan sebuah lagi hospital kerajaan di Parlimen Batu Kawan memandangkan infrastuktur Hospital Sungai Bakap sedia ada di sini tidak mampu lagi menampung lambakan pesakit yang kian ramai.

Katanya, Timbalan Menteri Kesihatan merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya sendiri dalam satu kenyataan sebelum ini pernah mengakui realiti lambakan pesakit di hospital yang menjadi tumpuan komuniti dari Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) tersebut.

"Dr. Hilmi sendiri mengaku pernah bekerja di sini (Hospital Sungai Bakap) dan tahu keadaan sebenar di sini.

"Maka, saya harap Kerajaan Pusat boleh pertimbang untuk bina sebuah hospital di atas tanah (berkeluasan) 35 ekar yang dicadangkan di Batu Kawan.

"(Ini) kerana, bandar-bandar baru khususnya di kawasan Parlimen Batu Kawan sendiri kian berkembang pesat," ujarnya kepada wartawan selepas merasmikan Kem Kesihatan Peringkat Parlimen Batu Kawan di Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan turut menyertai program komuniti tersebut,

Dalam ucapannya, Kasthuriraani turut memuji penganjur bersama, Kolej Pergigian Antrabangsa Pulau Pinang (PIDC) kerana giat melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) di negeri ini.

"PIDC adalah contoh terbaik, menghimpunkan bakat berkualiti dan diiktiraf serta kehadiran mereka dalam program CSR bersama-sama komuniti seperti hari ini cukup dirasai," kata beliau sambil merakamkan penghargaan kepada sukarelawan daripada penuntut kolej berkenaan.

Lebih 100 peserta, rata-rata warga emas direkodkan menyertai Kem Kesihatan tersebut.

# Lampu hiasan terangi Pekan Nibong Tebal sempena Deepavali



SOON Lip Chee (lima dari kiri) bersama-sama jawatankuasa projek mini pemasangan lampu hiasan di Pekan Nibong Tebal menunjukkan tanda bagus sejurus selepas perasmiannya di sini baru-baru ini.

**PESTA CAHAYA...** Bagi meraikan sambutan Deepavali dan simbolik terhadap kemeriahan sambutan Pesta Cahaya yang diraikan komuniti India, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi mengambil inisiatif memasang lampu hiasan diod pemancar cahaya (LED) menghiasi Jalan Atas, Pekan Nibong Tebal di sini.

ADUNnya, Soon Lip Chee menyatakan bahawa pemasangan lampu hiasan LED terbabit adalah membabitkan kawasan sejauh satu kilometer.

"Terima kasih kepada PLB Engineering Berhad yang sudi menaja sebahagian daripada kos pemasangan lampu hiasan ini dan juga jawatankuasa projek mini yang bertungkus-lumus memastikan ia dapat direalisasikan," katanya pada majlis ringkas perasmian pemasangan dan nyalaan lampu hiasan LED di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), H'ng Mooi Lye, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Nibong Tebal, Khaw How Thiew, Pengerusi JKKK Byram, P. Jaganjiveram dan wakil PLB Engineering Berhad, Kok Lee Chow Peng.



KEADAAN di pekan Nibong Tebal.

# ADUN santuni 50 keluarga sempena Deepavali



LIM Siew Khim (kanan sekali) menyampaikan sumbangan makanan asas kepada salah sebuah keluarga di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**SUNGAI PINANG–** Sempena meraikan perayaan Deepavali, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim tampil menyantuni 50 keluarga masyarakat India kurang berkemampunan di Kampung Rawa dan Bukit Dumbar di sini baru-baru ini.

"Walaupun pemberian ini tidak seberapa, sekurang-kurangnya ia dapat meringankan sedikit bebanan dan menceriakan sambutan Deepavali mereka tahun ini," katanya mengulas lanjut.

Siew Khim dalam pada itu turut berhasrat menjadikan penyampaian hamper dan keraian Deepavali sebagai satu tradisi di Dewan Undangan Negerinya (DUN) dengan tujuan memberi 'cahaya' kegembiraan kepada golongan berkaitan.

Selain beras, beliau turut menyampaikan sumbangan makanan asas lain seperti gula, kordial, biskut dan minyak masak.

# Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang

Contoh:




Sumber Gambar : Internet

Contoh:









Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga (untuk kategori 1):

____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) __________

Emel: ____________________

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori :- 1) 12 tahun dan ke bawah.
   2) Terbuka.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100g dan ke atas sahaja diterima.
7. Tema lukisan poskad adalah 'Pulau Pinang'.
8. Setiap set penyertaan perlu mempunyai minimum 4 lukisan poskad berdasarkan tema dipilih. Semua lukisan perlu berkait antara satu sama lain.
9. Borang butiran maklumat perlu ditampal di bahagian belakang lukisan poskad utama
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah 31 Disember 2014.
12. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara, Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**( bagi setiap kategori )**

**Pertama: RM500**

**Kedua: RM300**

**Ketiga: RM150**

**5 Hadiah Saguhati**